

# 'KL berhak bangun program nuklear'

**K**UALA LUMPUR: Amerika Syarikat berkata negara itu tidak akan menentang jika Malaysia melaksanakan program tenaga nuklear untuk tujuan keamanan.

Duta Besarnya ke Malaysia, Christopher J LaFleur, berkata garis panduan antarabangsa jelas mengenai program itu.

"Banyak negara lain membangunkannya... Malaysia mahu melaksanakannya... boleh, kami tiada halangan," katanya kepada *Bernama* mengenai ulasan awal beliau pada sesi soal jawab wacana intelektual mengenai program nuklear Iran dan sama ada Malaysia akan berhadapan sebarang bantahan jika ia meneruskan program tenaga nuklear itu.

LaFleur sebelum itu menyampaikan ucapan mengenai 'AS dan Malaysia pada 2007', anjuran Fakulti

Ekologi Kemanusiaan Universiti Putra Malaysia di Serdang dekat sini, semalam.

Beliau berkata tenaga nuklear penting untuk negara yang tidak mempunyai sumber tenaganya sendiri.

Ditanya sama ada Amerika akan membantu Malaysia jika ia mahu meneruskan program tenaga nuklear, duta besar itu berkata, Amerika mempunyai prosedur dalam memberi bantuan atau kerjasama.

"Saya rasa jika institusi penyelidikan Malaysia mahu bekerjasama dalam penyelidikan tenaga nuklear.. saya pasti ada institusi di Amerika gembira untuk bekerja bersama-sama mereka," katanya.

Beliau juga memuji Malaysia dengan menyatakan kisah kejayaan Malaysia di dunia Islam memberi gambaran jelas bahawa Islam mam-

pu memainkan peranan sebagai pemimpin pelbagai tamadun dunia seperti pernah dilakukannya suatu ketika dulu.

Katanya, Malaysia adalah satu kisah kejayaan di Asia Tenggara dan dunia Islam.

Mengenang kembali hubungan Washington-Kuala Lumpur yang sekian lama terjalin, LaFleur berkata, Amerika menyokong kemerdekaan Malaysia daripada Britain kira-kira 50 tahun lalu dan ialah antara negara pertama yang mengiktiraf negara baru itu dan juga menyokong Malaysia ketika konfrontasi dengan Indonesia.

Beliau berkata, hubungan Amerika dan Malaysia berdasarkan pelbagai kepentingan bersama – politik, pertahanan dan keselamatan, memeringi pegganas, ekonomi, selain budaya dan pendidikan.

Sementara itu, LaFleur menjelaskan pelajar Malaysia yang layak boleh memperoleh visa untuk melanjutkan pengajian di Amerika Syarikat dalam tempoh tiga hari.

Katanya, mereka menggalakkan lebih ramai pelajar Malaysia melanjutkan pengajian di negara itu dan tidak akan menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan visa.

LaFleur berkata, kini pelajar hanya memerlukan tiga hari untuk mendapatkan visa iaitu sehari untuk menetapkan jadual temu bual di kedutaan, sehari sesi temu bual dan hari ketiga boleh mendapatkan semula pasport.

"Ini yang saya sifatkan sebagai mudah... ramai daripada anda mungkin mendengar susah untuk mendapatkan visa. Hakikatnya ia lebih cepat berbanding sebelum kejadian 11 September," katanya. – *Bernama*

BH-28/12007